

## EDARAN LCA BIL.1/2022: PENAMBAHBAIKAN KE ATAS ARAHAN PEMBAYARAN PENDAPATAN BERCUKAI (JENIS DOKUMEN K6)

Assalamualaikum wbt & Salam Sejahtera.

Tuan/Puan,

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat (BPTM) di bawah Modul Bayaran (Modul AP) telah membuat penambahbaikan ke atas **Arahan Pembayaran Pendapatan Bercukai (Jenis Dokumen K6)** untuk membenarkan Kumpulan Penerima Bayaran selain EMP dan OTV. Penambahbaikan merangkumi penambahan tiga (3) Kumpulan Penerima Bayaran iaitu SUPP (6000000000 - 9999999999), NOTE (4000000000 - 4999999999) dan PANS (1400000000 - 1499999999).

3. Sehubungan dengan itu, hebahan ini adalah berkenaan kesediaan program di modul bayaran bagi **lima (5) Kumpulan Penerima Bayaran** yang boleh digunakan di PTJ bagi Arahan Pembayaran Pendapatan Bercukai (Jenis Dokumen K6) dan PTJ dibenarkan untuk menggunakan tambahan tiga (3) jenis Kumpulan Penerima Bayaran ini **berkuat kuasa serta merta**. Bersama-sama ini dikemukakan infografik daripada BPTM untuk makluman tuan/puan seperti berikut:

### ARAHAN PEMBAYARAN PENDAPATAN BERCUKAI - JENIS DOKUMEN K6

Penambahbaikan ke atas Arahan Pembayaran Pendapatan Bercukai (Jenis Dokumen K6) telah dilakukan. Kumpulan Penerima Bayaran bagi Arahan Pembayaran ini telah ditambah kepada tiga (3) jenis kumpulan iaitu SUPP (6000000000 - 9999999999), NOTE (4000000000 - 4999999999) dan PANS (1400000000 - 1499999999). PTJ dibenarkan untuk menggunakan 3 jenis Kumpulan Penerima Bayaran ini berkuatkuasa serta-merta.

Jadual dibawah menunjukkan Kumpulan Penerima yang boleh diguna pakai selepas penambahbaikan :-

Bil	Kumpulan Penerima Bayaran 1GFMAS	Modul Pengurusan Arahan Pembayaran - Arahan Pembayaran Tanpa Pesanan Kerajaan - Jenis Dokumen K6 (Arahan Pembayaran Pendapatan Bercukai)		Paparannya di Penyata Pendapatan (EC Form)
		Sedia Ada	Penambahbaikan	
1.	OTV (One Time Vendor) 10001	√	√	x
2.	OTV (One Time Vendor) 10009	√	√	x
3.	PANS (Penerima Bayaran Bukan Pembekal) 1400000000 – 1499999999		√	x
4.	NOTE (No Anggota Tentera) 4000000000 – 4999999999		√	x
5.	EMP (Penjawat Awam) 5000000000 – 5999999999	√	√	√
6.	SUPP (Pembekal) 6000000000 – 9999999999		√	x

Nota :- Amaun pendapatan bercukai yang dibayar melalui Arahan Pembayaran (Jenis Dokumen K6) bagi Kumpulan Penerima Bayaran selain EMP (kod 50 siri) tidak ditunjukkan pada Penyata Pendapatan (EC Form). Sekiranya pegawai yang menerima bayaran tersebut adalah penjawat awam, pegawai adalah bertanggungjawab untuk membuat pengisytiharan (declaration) semasa pengisian Borang Nyata Cukai Pendapatan (e-Filing).

4. Dimohon kerjasama tuan/puan sebagai *Liaison Change Agent* (LCA) di Kementerian dan JANM Negeri/Cawangan untuk memanjangkan hebahan ini kepada PTJ masing-masing. Sebarang pertanyaan berkaitan perkara ini tuan/puan boleh pegawai BPTM (AP), **Puan Nadia binti Mohamad** (ext. 1202), **Encik Mohd Asraf bin**

**Omar** (ext. 1130) atau **Encik Muhammad Zulhelmi bin Che Nai** (ext. 1417) atau di alamat e-mel [1gfmas\\_ap@anm.gov.my](mailto:1gfmas_ap@anm.gov.my).

Kerjasama dan perhatian yang diberikan amatlah saya hargai.

Sekian, terima kasih.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
***"Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul"***

Saya yang menjalankan amanah,

*Nadiah A. Suhaili*

**(NADIAH BINTI AHMAD SUHAILI)**  
Unit Khidmat Nasihat Perakaunan & Pengurusan Perubahan  
Pasukan Pelaksanaan Perakaunan Akruan  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
Tel: 03-8882 1434 / 010-365 7253

# EDARAN LCA BIL.2/2022: KEMUDAHAN MUAT NAIK SENARAI TUGASAN HARIAN

Assalamualaikum wbt & Salam Sejahtera.

Tuan/Puan,


Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat (BPTM) telah membuat penambahbaikan ke atas **Senarai Tugas Harian (STH)** dengan menyediakan kemudahan muat naik dan boleh diambil tindakan edit di fail yang dijana melalui *Microsoft Excel*. Penambahbaikan ini disediakan bagi pengguna portal iGFMAS bertujuan untuk memudahkan penyusunan tugas pemprosesan dokumen kepada semua pengguna. Sehubungan dengan itu, hebahan ini adalah berkenaan kesediaan portal iGFMAS bagi kemudahan muat naik STH dan boleh digunakan oleh semua pengguna **berkuat kuasa serta merta**. Bersama-sama ini dikemukakan infografik daripada BPTM untuk makluman tuan/puan seperti berikut:

## TUJUAN:

Memudahkan pengguna portal iGFMAS untuk memuat turun STH ke dalam fail excel bagi tujuan memudahkan penyusunan tugas pemprosesan dokumen kepada semua pengguna

## LANGKAH-LANGKAH MUAT TURUN STH



Kerjasama dan perhatian yang diberikan amatlah saya hargai.

Sekian, terima kasih.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**Norazlin binti Hussin C.A.(M), ACCA**  
Akauntan  
Bahagian Akaun  
Kementerian Pertanian dan Industri Makanan

## EDARAN LCA BIL.3/2022: SEKATAN KEPADA PENGGUNA UNTUK MELAKUKAN PERUBAHAN DATA INDUK GAJI SENDIRI

Assalamualaikum wbt & Salam Sejahtera.

Tuan/Puan,

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat (BPTM) di bawah Modul *Human Capital Management* (HCM) telah membuat **sekatan kepada pengguna** untuk melakukan perubahan data induk gaji sendiri. Sekatan ini bertujuan untuk **pengguna iGFMAS bagi Modul HCM yang diberi akses PA30 disekat dari membuat perubahan data induk pada nombor gaji sendiri**. Hebahan ini adalah berkenaan kesediaan portal iGFMAS kepada semua pengguna **berkuat kuasa 1 April 2022**. Bersama-sama ini dikemukakan infografik untuk makluman tuan/puan seperti berikut:

Edaran LCA Bil.3/2022

### SEKATAN PENGGUNA UNTUK MELAKUKAN PERUBAHAN DATA INDUK GAJI SENDIRI

- Mulai 1 April 2022 semua pengguna iGFMAS Modul HCM yang diberi akses PA30 disekat dari membuat perubahan data induk pada nombor gaji sendiri
- PTJ dikehendaki memohon capaian PA30 jika **HANYA** satu orang sahaja pengguna yang diberi akses PA30 di PTJ tersebut
- PTJ hendaklah **memastikan proses gaji berjalan lancar setelah sekatan pengguna** untuk melakukan perubahan data induk gaji sendiri dilaksanakan

Untuk pertanyaan, hubungi Seksyen Pengurusan Aplikasi iGFMAS (HCM), Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat, JANM

3. Sebarang pertanyaan berkaitan perkara ini tuan/puan boleh hubungi pegawai BPTM (HCM), **Encik Ronald Simon** (ext. 1126), **Encik Abdul Hadi bin Muda** (ext. 1252) atau **Puan Aslina Asni bt Abu Bakar** (ext. 1152) atau di alamat e-mel [hrcpay@anm.gov.my](mailto:hrcpay@anm.gov.my).

Kerjasama dan perhatian yang diberikan amatlah saya hargai.

Sekian, terima kasih.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**Saya Yang Menjalankan Amanah,**

*-Fadhilah-*

Nur Fadhilah Bakori

Bahagian Akaun

Kementerian Pertanian & Industri Makanan

Tel : 03-8870 1883

Fax: 03- 8870 1931

Emel : fadhilah.bakori@[mafi.gov.my](mailto:fadhilah.bakori@mafi.gov.my)

## **EDARAN LCA BIL.4/2022: AKTIVITI MIGRASI DATA BAKI AWAL BATCH 1 TAHUN 2022**

RUJ.KAMI : MOA.400-1/10/13 (69)

Assalamualaikum wbt & Salam Sejahtera.

**Tuan/Puan,**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Pasukan Pelaksanaan Perakaunan Akruan (PPPA) di bawah Unit Amalan Perakaunan (UAP) akan menjalankan **Aktiviti Migrasi Data Baki Awal *Batch* 1 Tahun 2022** pada **8 hingga 17 Jun 2022** dan maklumat mengenai aktiviti tersebut adalah seperti berikut:

- Aktiviti 1: Hari Bekerja

Tarikh : **8 Jun 2022 (Rabu) hingga 10 Jun 2022 (Jumaat)**  
Masa : **6 pm hingga 11 pm (setiap hari bagi tempoh di atas)**

- Aktiviti 2: Hujung Minggu

Tarikh : **11 Jun 2022 (Sabtu) hingga 12 Jun 2022 (Ahad)**  
Masa : **8 am hingga 5 pm (setiap hari bagi tempoh di atas)**

- Aktiviti 3: Hari Bekerja

Tarikh : **13 Jun 2022 (Isnin) hingga 17 Jun 2022 (Jumaat)**  
Masa : **6 pm hingga 11 pm (setiap hari bagi tempoh di atas)**

3. Sehubungan itu, sebarang **aktiviti melibatkan transaksi aset digantung (*suspension*) buat sementara waktu** dan pihak tuan/puan perlu **memastikan tiada aktiviti melibatkan transaksi aset berlaku sepanjang tempoh dinyatakan di atas**. Ini bagi memastikan proses Data Migrasi *Batch* 1 Tahun 2022 ke dalam iGFMAS dapat dilaksanakan di Ibu Pejabat dengan lancar.

4. Sebarang pertanyaan berkaitan perkara ini tuan/puan boleh hubungi pegawai UAP PPPA melalui e-mel [uap\\_pppa@anm.gov.my](mailto:uap_pppa@anm.gov.my).

Kerjasama dan perhatian yang diberikan amatlah saya hargai.

Sekian, terima kasih.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**Saya Yang Menjalankan Amanah,**

*-Fadhilah-*

Nur Fadhilah Bakori

Bahagian Akaun

Kementerian Pertanian & Industri Makanan

Tel : 03-8870 1883

Fax: 03- 8870 1931

Emel : fadhilah.bakori@[mafi.gov.my](mailto:fadhilah.bakori@mafi.gov.my)



## **EDARAN LCA BIL.5/2022: CARTA AKAUN AKRUAN**

**RUJ.KAMI : MOA.400-1/10/13 (70)**

Assalamualaikum wbt & Salam Sejahtera.

**Tuan/Puan,**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

Sukacita dimaklumkan bahawa Carta Akaun Akruan (kemas kini sehingga 31 Mei 2022) boleh dicapai melalui pautan di bawah:

[www2.anm.gov.my/akruan/Pages/Carta-Akaun-Akruan.aspx](http://www2.anm.gov.my/akruan/Pages/Carta-Akaun-Akruan.aspx)

Sekiranya terdapat pertanyaan, sila hubungi Unit Operasi Akaun Persekutuan (UOAP), Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi (BPOPA) melalui e-mel [uoap@anm.gov.my](mailto:uoap@anm.gov.my).

Sila layari [www2.anm.gov.my](http://www2.anm.gov.my) untuk hebahan dan maklumat terkini Perakaunan Akruan.

Kerjasama dan perhatian yang diberikan amatlah saya hargai.

Sekian, terima kasih.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**Saya Yang Menjalankan Amanah,**

*-Fadhilah-*

Nur Fadhilah Bakori  
Bahagian Akaun  
Kementerian Pertanian & Industri Makanan  
Tel : 03-8870 1883  
Fax: 03- 8870 1931  
Emel : fadhilah.bakori@[mafi.gov.my](http://mafi.gov.my)

## **EDARAN LCA BIL.6/2022: CARTA AKAUN AKRUAN**

RUJ.KAMI :MOA.400-1/10/13 (89)

Assalamualaikum wbt & Salam Sejahtera.

**Tuan/Puan,**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

Sukacita dimaklumkan bahawa **Carta Akaun Akruan (kemas kini sehingga 30 Jun 2022)** boleh dicapai di Portal Perakaunan Akruan melalui capaian berikut:

[www2.anm.gov.my/akruan/Pages/Carta-Akaun-Akruan.aspx](http://www2.anm.gov.my/akruan/Pages/Carta-Akaun-Akruan.aspx)

Sekiranya terdapat pertanyaan, sila hubungi Unit Operasi Akaun Persekutuan (UOAP), Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi (BPOPA) melalui e-mel [uoap@anm.gov.my](mailto:uoap@anm.gov.my).

Sila layari [www2.anm.gov.my](http://www2.anm.gov.my) untuk hebahan dan maklumat terkini Perakaunan Akruan.

Kerjasama dan perhatian yang diberikan amatlah saya hargai.

Sekian, terima kasih.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**Saya Yang Menjalankan Amanah,**

*-Fadhilah-*

Nur Fadhilah Bakori  
Bahagian Akaun  
Kementerian Pertanian & Industri Makanan  
Tel : 03-8870 1883  
Fax: 03- 8870 1931  
Emel : fadhilah.bakori@[mafi.gov.my](http://mafi.gov.my)

# **EDARAN LCA BIL.7/2022: PENAMBAHBAIKAN ARAHAN PEMBAYARAN TANPA PT (MODUL AP)**

**RUJUKAN KAMI:MOA.400-1/10/13 JLD.2(6)**

Assalamualaikum wbt & Salam Sejahtera.

**Tuan/Puan,**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan makluman dari Unit Khidmat Nasihat Perakaunan & Pengurusan Perubahan, Pasukan Pelaksanaan Perakaunan Akruan, Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) adalah berkaitan.

2. Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat (BPTM), JANM di bawah Modul Bayaran (Modul AP) telah membuat **dua (2) penambahbaikan** ke atas **Arahan Pembayaran Tanpa PT** seperti berikut:

## **I. Penggunaan Kod Pembekal OTV di Portal iGFMAS**

Penambahbaikan pertama telah dilakukan di beberapa medan penting dan semakan dibuat seperti senarai berikut:

- Semakan ke atas Nombor Akaun Bank;
- Semakan ke atas Nombor Kad Pengenalan atau Nombor Pendaftaran;
- Semakan maklumat Nombor Telefon Bimbit atau alamat E-mel telah dikunci masuk; dan
- Maklumat Terperinci Bagi Kod Pembekal OTV 10008 Dinyahaktif

## **II. Pertambahan atau Pengurangan Bilangan Penerima Bayaran**

Penambahbaikan kedua yang dilakukan adalah pengaktifan butang Tambah dan Padam di skrin Butiran Penerima bagi proses Kuiri Arahan Pembayaran Penerima Berganda. Penyedia PTJ boleh membuat penambahan atau pengurangan bilangan penerima sekiranya terdapat kuiri semasa proses perakuan oleh peranan Peraku 1, Semak AO atau Peraku 2. Walau bagaimanapun, Penyedia PTJ perlu memastikan amaun di Butiran Penerima, Data Asas dan jumlah baris caj adalah sama bagi mengelakkan berlaku ralat.

3. Sebarang pertanyaan berkenaan perkara ini, tuan/puan boleh e-mel kepada [1qfmas\\_ap@anm.gov.my](mailto:1qfmas_ap@anm.gov.my) atau hubungi pegawai BPTM (AP) seperti senarai berikut:

**a) Encik Izhar bin Che Zainol Rashid**

Telefon : 03-88821256

**b) Encik Muhammad Zulhelmi bin Che Nai**

Telefon : 03-88821417

4. Sehubungan dengan itu, hebahan ini adalah berkenaan kesediaan program di Modul Bayaran (Modul AP) yang **berkuat kuasa serta-merta**. Bersama-sama ini dikemukakan **infografik** seperti di **Lampiran A** dan **Manual Pengguna Arahan Pembayaran Tanpa PT** yang terkini seperti di **Lampiran B** untuk maklumat terperinci serta perhatian tuan/puan jua.

Kerjasama dan perhatian yang diberikan amatlah saya hargai.

Sekian, terima kasih.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**Saya Yang Menjalankan Amanah,**

*-Fadhilah-*

Nur Fadhilah Bakori  
Bahagian Akaun  
Kementerian Pertanian & Industri Makanan  
Tel : 03-8870 1883  
Fax: 03- 8870 1931  
Emel : fadhilah.bakori@[mafi.gov.my](mailto:fadhilah.bakori@mafi.gov.my)

## **EDARAN LCA BIL.8/2022: AKTIVITI MIGRASI DATA BAKI AWAL BATCH 2 (SIRI 2) TAHUN 2022**

**RUJUKAN KAMI:MOA.400-1/10/13 JLD.2(39)**

Assalamualaikum wbt & Salam Sejahtera.

**Tuan/Puan,**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan makluman dari Unit Khidmat Nasihat Perakaunan & Pengurusan Perubahan, Pasukan Pelaksanaan Perakaunan Akruan (PPPA), Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) adalah berkaitan.

2. **PPPA** di bawah **Unit Amalan Perakaunan (UAP)** akan menjalankan **Aktiviti Migrasi Data Baki Awal Batch 2 (Siri 1) Tahun 2022** pada **12 hingga 21 September 2022 (hari bekerja sahaja)** dan maklumat mengenai aktiviti tersebut adalah seperti berikut:

**Tarikh : 12 September 2022 (Isnin) hingga 21 September 2022 (Rabu)**

**Masa : 6.00 pm hingga 11.00 pm (setiap hari bekerja bagi tempoh di atas)**

3. Sehubungan itu, sebarang **aktiviti melibatkan transaksi aset digantung (*suspension*) buat sementara waktu** dan pihak tuan/puan perlu **memastikan tiada aktiviti melibatkan transaksi aset berlaku sepanjang tempoh dinyatakan di atas.** Ini bagi memastikan proses Data Migrasi *Batch 2* (Siri 1) Tahun 2022 ke dalam iGFMAS dapat dilaksanakan di Ibu Pejabat dengan lancar.

4. Sebarang pertanyaan berkaitan perkara ini tuan/puan boleh hubungi pegawai UAP PPPA melalui e-mel [uap\\_pppa@anm.gov.my](mailto:uap_pppa@anm.gov.my).

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**Norazlin binti Hussin**

Bahagian Akaun

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan

## EDARAN LCA BIL.9/2022: AKTIVITI MIGRASI DATA BAKI AWAL BATCH 2 (SIRI 2) TAHUN 2022

Assalamualaikum wbt & Salam Sejahtera.

Tuan/Puan,

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Pasukan Pelaksanaan Perakaunan Akruan (PPPA) di bawah Unit Amalan Perakaunan (UAP), Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) akan menjalankan Aktiviti Migrasi Data Baki Awal *Batch 2 (Siri 2)* Tahun 2022 pada 12 hingga 16 November 2022 dan maklumat mengenai aktiviti tersebut adalah seperti berikut:

### Aktiviti 1: Hujung Minggu

Tarikh	Hari	Masa
12/11/2022	Sabtu	7.30 pm - 12.00 am
13/11/2022	Ahad	12.01 am - 6.00 am

### Aktiviti 2: Hari Bekerja

Tarikh	Hari	Masa
14/11/2022	Isnin	8.00 pm - 11.00 pm
15/11/2022	Selasa	8.00 pm - 11.00 pm
16/11/2022	Rabu	8.00 pm - 11.00 pm

3. Sehubungan itu, sebarang aktiviti melibatkan transaksi aset digantung (*suspension*) buat sementara waktu dan pihak tuan/puan perlu memastikan tiada aktiviti melibatkan transaksi aset berlaku sepanjang tempoh dinyatakan di atas. Ini bagi memastikan proses Data Migrasi *Batch 2 (Siri 2)* Tahun 2022 ke dalam iGFMAS dapat dilaksanakan di Ibu Pejabat dengan lancar.

4. Sebarang pertanyaan berkaitan perkara ini tuan/puan boleh hubungi pegawai UAP PPPA melalui emel [uap\\_pppa@anm.gov.my](mailto:uap_pppa@anm.gov.my).

Kerjasama dan perhatian yang diberikan amatlah saya hargai.

Sekian, terima kasih.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**Saya Yang Menjalankan Amanah,**

*-Fadhilah-*

Nur Fadhilah Bakori

Bahagian Akaun

Kementerian Pertanian & Industri Makanan

Tel : 03-8870 1883

Fax: 03- 8870 1931

Emel : fadhilah.bakori@[mafi.gov.my](mailto:fadhilah.bakori@mafi.gov.my)